

09 AUG 1996

Mahathir-Pilihan raya

BN KERJA TANPA KIRA PILIHAN RAYA, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) bekerja sepanjang masa tanpa mengambil kira soal pilihan raya.

Katanya tumpuan kerajaan ialah terhadap pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan setiap projek, dasar serta pendekatan yang dilaksanakan adalah untuk kebaikan rakyat.

"Kita tidak macam orang lain yang jika ada pilihan raya baru nak kerja. Itu bukan cara kita," katanya pada persidangan berita di sini sebelum berlepas pulang setelah mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Sarawak.

Beliau ditanya sama ada masanya sudah sesuai kini bagi Sarawak membubarkan Dewan Undangan Negeri untuk mengadakan pilihan raya.

Katanya: "Saya fikir masanya sentiasa sesuai kerana kami tidak bekerja berdasarkan kepada pilihan raya. Kami bekerja sepanjang masa dalam lima tahun itu."

Katanya kadang-kadang dekat pilihan raya pun kerajaan membuat keputusan yang boleh merosakkannya seperti projek hidro Bakun, yang diputar-belitkan oleh sesetengah pihak untuk kepentingan diri.

Bagaimanapun kerajaan sanggup mempertahankan tindakannya demi kepentingan rakyat, katanya.

Ketika ditanya mengenai tarikh pilihan raya Sarawak, Dr Mahathir berkata beliau ada berbincang dengan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengenai perkara itu.

"Kita tidak dapat lari daripada mengadakan pilihan raya, terpulung kepada pembubaran Dewan Undangan Negeri Sarawak dan selepas itu dalam masa 60 hari mesti diadakan pilihan raya," katanya.

Selepas itu terpulung kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tarikh pencalonan dan pengundian dan kerajaan tidak ada kuasa dalam hal ini, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau masih belum menerima senarai calon BN daripada Taib untuk pilihan raya negeri dan oleh sebab Dewan Undangan Negeri belum dibubarkan lagi, beliau (Taib) mempunyai masih banyak masa lagi untuk berbuat demikian.

Beliau berkata biasanya senarai calon BN akan ditentukan oleh pengerusi BN negeri dan beliau sebagai Pengerusi BN akan menyemak.

"Biasanya tiadalah perubahan melainkan saya tidak bersetuju sangat dengan seseorang calon," katanya.

Acara mengucapkan selatan jalan diadakan mengikut adat tradisi tempatan di lapangan terbang antarabangsa Kuching untuk Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. -- BERNAMA

OPP MT NMO